

KONSEP TEMA ‘ISLAMIK’ DALAM ‘FILEM ISLAMIK’ *SYURGA CINTA* (2009)

‘ISLAMIC’ THEME CONCEPT IN ‘ISLAMIC’ FILM *SYURGA CINTA* (2009)

Ayu Haswida Abu Bakar
Fakulti Filem, Teater & Animasi
Universiti Teknologi MARA
Kampus Puncak Perdana

Abstrak

‘Filem Islamik’ adalah fenomena baharu pasca 2008 di Nusantara, yang dicetuskan oleh para pengkarya filem Indonesia. Fenomena filem Islamik ini mula merebak di Malaysia sekitar 2009 dengan *Syurga Cinta* 2009 yang diklasifikasikan sebagai filem bergenre agama, berdasarkan kepada tema ‘Islamik’ syurga cinta yang didefinisikan sebagai jodoh dari Allah, dan melalui konsep penceritaan yang dikatakan bernaung dalam ruang genre agama. Sungguhpun begitu, menurut Naim Ahmad (2010) ‘filem Islamik’ boleh diklasifikasikan kepada dua jenis. Pertama, ‘filem Islamik’ dan kedua ‘filem berunsur Islam’. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan mengupas dan menganalisa sejauhmanakah konsep tema Islamik yang ‘digunapakai’ oleh filem *Syurga Cinta*, mampu mengangkat filem ini sebagai sebuah ‘filem Islamik’. Konsep tema ‘Islamik’ yang dikaji akan menggunakan pendekatan tema dari Teori Taabudiyah dan konsep estetika dari Teori Takmilah. Justeru, fokus kajian ini menjurus kepada konsep tema yang didefinisikan sebagai penghayatan Islamiah yang mencakupi aspek-aspek kehidupan: isu yang diangkat merupakan, samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam, yang mengangkat keindahan yang boleh didefinisikan sebagai estetika: sifat kesempurnaan Allah.

Kata kunci: sinema Malaysia, sinema Melayu, sinema Asian, filem Islamik, Kritikan Sastera Islam, genre filem, romantik – komedi.

Abstract

'Islamic film' post 2008 is a new phenomenon in the archipelago, which is triggered by the Indonesian filmmaker. The phenomenon began to seed and spread among Malaysian filmmakers in 2009 with Syurga Cinta, which is classified as religious film genre by media, based on Islamic theme: 'jodoh' chosen by God, which define as love from heaven. According to Naim Ahmad (2010) 'Islamic film' can be classified into two types. First, the 'Islamic film' as a whole: includes plot and narrative, and second, 'film with Islamic elements': includes a few 'parts' of the film – Space and mise-en-scene. Therefore, this study aims to examine the extent of Islamic concept through Islamic theme as fabricated in Syurga Cinta. This analysis will rest on the concept of theme, drawn from Taabudiyyah theory, through the concepts of aesthetic of Takmilah framework.

Keywords: *Malaysian cinema, Malay cinema, Asian cinema, Islamic cinema, Islamic film, film genre, romantic – comedy.*

Pengenalan

'Filem Islamik' adalah fenomena baharu pasca 2008 di Nusantara, yang dicetuskan oleh para pengkarya filem Indonesia melalui *Ayat-Ayat Cinta* (2008), yang diadaptasi dari novel bertajuk yang sama oleh Hamka. Diikuti dengan penghasilan 'filem-filem Islamik' seperti *Ketika Cinta Bertasbih* (2009), *Perempuan Berkalong Sorban* (2009), *Sang Pencerah* (2010), dan *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (2011).

Fenomena 'filem Islamik' ini mula 'merebak' ke Malaysia melalui *Syurga Cinta* (2009) dan diikuti dengan pembikinan filem seperti *7 Petala Cinta* (2012) *Salam Cinta* (2012), *99 Kali Rindu* (2013), *Dua Kalimah* (2013) dan *Ustaz, Mu Tunggu Aku Datang* (2013), yang dilabelkan sebagai 'filem Islamik'.

Definisi 'filem Islamik'

'Film and Islam were not easily united' (Katinka van Heeren: 2012). Sungguhpun begitu, 'filem Islamik' harus berteraskan kepada seni dan Islam. Menurut Clark, dan Pietsch (2014):

'The subsequent boom of popular Islamic culture or 'pop Islam', has given rise to genre such as [...] film Islami (Islamic Film). In this context, determining what makes art films particularly Islamic is coloured by assumptions about what constitutes both art and religion.'

Manakala Naim Ahmad¹ di dalam penulisan Mohd Radzi Mohd Zin (2010) berpendapat:

'Pokok pengertian filem Islam adalah maksud Islam itu yang antara lainnya selamat, aman, tenteram, patuh dan bersih daripada segala sesuatu. Oleh itu, filem Islam dan filem berunsur Islam adalah dua ungkapan yang berbeza. Filem berunsur Islam merujuk kepada filem yang antara paparannya mengandungi beberapa unsur yang selaras dengan tuntutan Islam. Namun, tidak keseluruhan filem tersebut 'islamik'. Mungkin daripada aspek naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, aplikasi, teknikal dan kontekstualnya.'

Berdasarkan petikan di atas, Naim Ahmad mengklasifikasikan konsep 'filem Islamik' kepada dua jenis. Pertama, 'filem Islamik' dan kedua 'filem berunsur Islam'.

Merujuk kepada Suhaimi Muhammad (1988) dalam penulisannya tentang *Isu-Isu Penting dalam Pembicaraan Sastera Islam*:

'Sastera Islam adalah mutlak dalam konsep dan rohnya yang selaras dengan al-Quran dan as-Sunnah. Maka kalau kita menyebut sastera Islam dengan sendirinya bermakna, sastera yang kandungannya dari segi konsep dan rohnya selaras dengan al-Quran dan as-Sunnah. Dengan kata lain, boleh saja disebut, isinya tetap berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, sedang bentuknya yang sastera. Maka, sastera Islam² mempunyai perimbangan antara isi dan bentuk. Bentuknya atau cara penyampaiannya boleh saja berbeza-beza, sedang isinya

¹ Beliau merupakan Mantan Profesor Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

sudah tetap, tidak boleh diubah-ubah. Isinya sudah pasti selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Hadis.’

Menurut Suhaimi lagi, karya sastera Islam harus mempunyai pemahaman terhadap dua perkara, iaitu lahiriah dan batiniah.

‘Karya Islam adalah lebih halus sifatnya, kerana ia tidak sahaja mementingkan yang lahiriah, malah juga memberatkan yang batiniah. Dengan kata lain, sastera Islam itu berkisar dari permukaan hingga yang di dalam; dari yang material sampai yang spiritual; dari yang nampak sampai yang ghaib.’

Manakala Abbas Mahmud di dalam Abdul Rahman Napiah (2003) menyatakan, ‘sastera Islam adalah pancaran orang yang muqarrabin dengan Ilahi secara rohaniah dan badaniah. Sastera Islam adalah sastera pengabdian.’ Sastera Islam pada pandangan Abdul Rahman Napiah adalah mekanisma pemantapan akidah dan ketinggian akhlak yang menyumbang kepada proses pengabdian kepada Yang Maha Esa.

Oleh yang demikian, sastera Islam harus merujuk kepada dua elemen utama Al-Quran dan As-Sunnah. Melalui dua elemen ini, satu proses ‘pentauhidan’ akan terhasil yang bercabangkan kepada konsep *Uluhiyyah*³ dan konsep *Rabbaniyyah*⁴.

Pendapat Suhaimi (1988) dan Abdul Rahman Napiah (2003), ini boleh diaplikasi dalam konteks filem yang merujuk kepada filem sebagai salah satu cabang karya ‘sastera’. Sesebuah karya yang diklasifikasikan sebagai sebuah karya Islam, baik sastera atau filem, membawa maksud proses pengabdian secara menyeluruh: dari aspek jalan cerita, plot dan tema.

Berbeza dengan jenis konsep ‘filem Islamik’ yang kedua - ‘filem berunsur Islamik’- jenis ini merujuk kepada pendekatan ‘patuh syariah’ dari aspek representasi ‘visual’: seperti watak, adab dan nilai yang dipaparkan. Jenis kedua ini mengangkat tema, jalan cerita dan plot yang berfokuskan kemanusiaan, duniawi dan khususnya hubungan rasa kasih

³ Hal yang berkaitan dengan ketuhanan yang terpancar daripada iktikad, iaitu keyakinan, kepercayaan dan keimanan bahawa Allah S.W.T yang berhak disembah dan tiada Tuhan selain-Nya.

⁴ Aspek ketuhanan yang menumpukan pengabdian diri dan rohani yang khusyuk dan sepenuhnya terhadap Allah S.W.T

dan cinta antara lelaki dan perempuan. Justeru, naratif cerita yang diangkat bersifat duniawi dan tidak menyentuh kepada konsep penyempurnaan dan kesempurnaan Yang Esa sebagai Al-Khaliq. Tidak berlaku proses pengabdian kepada Yang Maha Esa secara menyeluruh seperti di dalam jenis filem pertama; Filem Islam atau 'filem Islamik'.

Elemen Kritikan Karya Islam

Teori Taabudiyah

Abdul Rahman Napiah (2003) berpendapat, terdapat lima prinsip kritikan sastera Islam di dalam Teori Taabudiyah. Pertama, latar belakang penulis. Kedua, isi karya. Ketiga, teknik penulisan. Keempat, kesan karya terhadap audien dan kelima, sastera Islam bukan sastera perkauman.

'Latar belakang penulis' dalam teori ini menjurus kepada seni pengarangan. Ia berperanan dalam mengangkat aspirasi serta visi sesuatu penghasilan karya di dalam ruang Islamik. Konsep seni pengarangan dalam teori Taabudiyah, bertitik pada tujuan dan niat pengarang dalam menghasilkan sesuatu karya. Manakala konsep 'isi karya'⁵ yang menjurus kepada persoalan, tema, pemikiran, ideologi, premis dan falsafah perlu berfokus dan melingkar kepada isu-isu keislaman. Menurut beliau:

Tema yang dikupas oleh pengarang merupakan penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih mendalam, mencakupi aspek-aspek kehidupan dan ia merupakan samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam.

Pada Abdul Rahman Napiah, sastera Islam bukan sastera perkauman kerana pada beliau sastera Islam haruslah bersifat universal. 'Cita-cita ke arah penyatuan bahasa dan sastera nusantara dapat dilandasi oleh karya bercorak Islam apabila kita sedar bahawa sastera Islam bukannya sastera perkauman.'

⁵ Isi karya: Perkara yang merangkumi elemen-elemen tema, persoalan, plot, penceritaan, pemikiran, ideologi, premis dan falsafah yang terdapat di dalam sesebuah karya.

Teori Takmilah

‘Teori Takmilah bersifat holistik yang melibatkan hubungan manusia, iaitu pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan.’

(Kamariah Kamarudin, 2011)

Etimologi Takmilah adalah dari kata tunjang Kamal yang berhubung dengan Tajmilah dan Jamal. Takmilah menurut bahasa Arab bermaksud penyempurnaan. Kamal, Tajmilah dan Jamal itu juga merujuk kepada sifat kesempurnaan Allah S.W.T. Asas kepada Teori Takmilah adalah konsep ‘hubungan manusia dengan Allah’ (Habl Min Allah) dan hubungan manusia dengan manusia (Habl Min al- Nas).

Menurut Kamariah (2011), dua konsep ini bertunjangkan dari tujuh prinsip. Pertama, prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna). Kedua, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna). Ketiga, prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna). Keempat, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takmilah (menyempurnakan). Kelima, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan). Keenam, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan). Ketujuh, prinsip khalayak, bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna).

Justeru itu, teori ini mengangkat kesempurnaan dan menyempurnakan (takmilah) Yang Maha Esa dan ‘teori takmilah [...] keindahan yang menjadi sumber estetika adalah sifat Allah yang manifestasinya terpancar pada kewujudan yang mencerminkan kesempurnaan Allah’ (Shafei Abu Bakar: 2004), sebagai Ya Khaliq (Maha Pencipta). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi tujuan ingin mengkaji dan mengupas:

Sejauhmanakah konsep tema Islamik ‘digunapakai’
filem *Syurga Cinta* (2009)?

Konsep tema ‘Islamik’ yang akan dikaji akan menggunakan pendekatan tema dari Teori Taabudiyah:

‘Tema yang dikupas oleh pengarang merupakan penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih

mendalam, mencakupi aspek-aspek kehidupan dan ia merupakan sama ada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam.'

(Abdul Rahman Napiah :2003)

Dan konsep estetika dari Teori Takmilah:

'Keindahan yang menjadi sumber estetika adalah sifat Allah yang manifestasinya terpancar pada kewujudan yang mencerminkan kesempurnaan Allah.'

(Shafei Abu Bakar: 2004)

Secara rumusannya, definisi tema Islamik untuk kajian ini adalah: penghayatan Islamiah yang mencakupi aspek-aspek kehidupan-isu yang diangkat merupakan, samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam, yang mengangkat keindahan yang boleh didefinisikan sebagai estetika: sifat kesempurnaan Allah.

Tema

'Tema yang dikupas oleh pengarang merupakan penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih mendalam, mencakupi aspek-aspek kehidupan dan ia merupakan samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam.'

(Abdul Rahman Napiah :2003)

Tema dalam cerita, baik novel, cerpen mahupun filem adalah subteks mesej atau 'idea besar', yang disampaikan oleh pengkarya: penulis, pengarang atau pengarah. Bersifat universal bukan peribadi atau 'individual'. '*Themes are ideas about life [...] present intellectual dilemmas*'. (Kelley Griffith, 2010: 40). Menyandarkan pendapat Kelley ini kepada konsep tema 'filem Islamik';

Idea - kehidupan tentang penghayatan Islamiah yang diangkat melalui dilema intelektual: samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam – dalam mengangkat sifat kesempurnaan Allah: pengabdian.

Perbincangan kupasan terperinci akan didasari oleh dua buah filem era studio: *Semerah Padi* (1956) dan *Si Tanggung* (1961).

Dua filem keluaran *Malay Filem Production* ini dipilih atas justifikasi perbezaan konsep pengabdian yang berlaku dalam proses mengangkat kesempurnaan (keindahan) Yang Maha Esa.

***Semerah Padi* (1956): ‘Filem Islamik’ Pertama**

Semerah Padi (1956) diangkat sebagai ‘filem Islamik’ pertama pernah dihasilkan, oleh akademia sinema di Malaysia. Mengupas isu sistem pentabiran secara Islam – mengikut Al-Quran dan As-Sunnah, dan perlaksanaannya. Justeru sistem pentabiran secara Islam ini merupakan idea terhadap kehidupan - kehidupan tentang penghayatan Islamiah yang diperkatakan oleh Dr. Abdul Rahman (2003). Manakala dilema intelektual yang dipersembahkan merujuk kepada cabaran dalam pelaksanaannya yang direpresentasi melalui konsep emosi manusia: cinta dan nafsu, dan kasih sayang antara manusia. Elemen cinta dan nafsu, dan kasih sayang manusia adalah unsur ‘antagonis’, yang dikatakan oleh Dr. Abdul Rahim sebagai ‘samada permasalahan lama atau kontemporari umat Islam’ (2003). Melalui ‘antagonis’ cinta-nafsu, pengarah telah mengupas tema yang dibentuk dengan luas dan dalam, melalui watak Aduka dan Dara yang sanggup membelakangkan hukum Al-Khaliq; pertama, bercinta- walaupun Dara sebenarnya adalah tunangan Teruna. Dr. Yusuf al-Qardawi (Hilmi Isa: 15/11/2013):

Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah seseorang membeli barang yang sedang ditawarkan (untuk dibeli) oleh saudaranya, seseorang dilarang daripada meminang wanita yang telah dipinang oleh orang lain sehinggalah yang meminangnya itu meninggalkannya atau mengizinkannya.”

(Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini seseorang lelaki tidak dibenarkan, (secara tersurat) meminang wanita yang telah bertunang (dipinang dan menerima pinangan tersebut), dan (secara tersirat), seseorang lelaki tidak dibenarkan memikat atau bercinta dengan perempuan yang sudah bertunang. Sehubungan dengan ini, larangan yang terkandung di dalam hadis di atas secara subteks boleh definisikan sebagai haram. Kedua, Aduka dan Dara berzina kesan dari hasutan nafsu dari ‘cinta terlarang’.

Tema di dalam *Semerah Padi* dikupas dengan lebih mendalam lagi melalui elemen kasih sayang keluarga dan sahabat. Elemen ini

bertindak sebagai cabaran dan ujian dalam melaksanakan sistem pentadbiran Islam yang telah ditetapkan oleh Dia di dalam Al-Quran dan Sunnah. Sekiranya pengingkaran pelaksanaan oleh Teruna dan Panglima Hitam dari melaksanakan hukum sula terhadap Aduka dan Dara, atas dasar sayang seorang ayah kepada anak (Panglima Hitam –Dara) dan kasih sayang sahabat (Teruna kepada Aduka) ia secara subteks menafikan hukum-hukum ini adalah undang-undang 'sempurnaan' dari Yang Maha Esa sekaligus konsep pengabdian tidak berlaku.

***Si Tanggang* (1961): Tema 'Islamik'**

Si Tanggang (1961), walaupun tidak diangkat sebagai 'filem Islamik' tema yang diketengahkan menepati tema 'filem Islamik' mengikut konsep teori Taadbudiyah Abdul Rahman (2003). Filem ini mengupas isu atau idea peranan dan tanggungjawab seorang anak lelaki kepada ibunya. Idea ini dikupas melalui dilema intelektual material: kekayaan. Kekayaan secara jelas diangkat sebagai 'antagonis' dan bertindak sebagai dugaan dan ujian si anak untuk menjadi anak solehah. Ujian ini, merujuk kepada Abdul Rahman adalah 'permasalahan lama atau kontemporari umat Islam' untuk menjadi seorang hamba yang sempurna (pengabdian).

Berbeza dengan 'kupasan' yang dilakukan oleh P. Ramlee dalam *Semerah Padi* (1956), di mana 'konsep pengabdian' dalam mengangkat kesempurnaan Yang Maha Esa, adalah melalui watak utama: Aduka dan Penghulu Hitam. *Si Tanggang* (1961), proses konsep pengabdian terhadap Yang Maha Esa dilakukan oleh pengarah sendiri –Jamil Sulong. Konotasi Tanggang menjadi batu mengangkat konsep pengabdian pengarah terhadap 'amaran' Dia tentang peranan seorang anak khususnya lelaki. Oleh yang demikian Tanggang yang menjadi batu adalah identifikasi pengarah kepada masyarakat tentang konsep anak durhaka.

'Filem Islamik' Kontemporari: *Syurga Cinta* (2009)

Syurga Cinta (2009), menurut Abd. Aziz Itar (20/05/2009):

Syarikat produksi Metrowealth International Group (MIG) pernah tampil dengan filem pertama terbitan mereka berjudul *Syukur* 21 pada tahun 2001 yang

bergenrekan keagamaan. Selepas lapan tahun dengan menerbitkan 28 buah filem, MIG kini kembali menerbitkan filem dalam genre yang sama, *Syurga Cinta* yang merupakan filem ke-29 terbitan syarikat itu.

Pendapat Abd. Aziz ini diperkukuh oleh penerbit syarikat MIG, David Teo, '[...] *Syurga Cinta* [...] menampilkan genre keagamaan'. (Abd. Aziz Itar:20/05/2009). Dengan jelas, *Syurga Cinta* telah diiktiraf boleh media sebagai filem bergenre keagamaan.

Syurga Cinta mengangkat kisah Irham seorang 'westernise': dari aspek pemikiran dan juga cara hidup, kesan, baik, dari cara hidup di United Kingdom⁶ dan juga cara hidup keluarga⁷ di Malaysia yang bercanggah dengan nilai budaya Islam:

- i. Berzina adalah perkara yang biasa
Pada awal cerita (babak kedua) ayah Irham 'menangkap' dia tidur dengan perempuan yang baru dikenalnya di kelab 'clubbing' di rumah tetamu [di tepi kolam rumah], ayahnya mengukir senyum suka sambil bertanya, 'sapa tu?'
- ii. Arak dan bebas bersosial adalah suatu kemestian
Pada pertengahan cerita, ayah dan ibu Irham yang pulang lewat dalam keadaan mabuk, pelik dengan Irham yang duduk di rumah pada malam minggu, 'Young man, tak keluar parti ka malam ni. Night is still young. Ramai girls is waiting for you.'

Irham yang direpresentasi sebagai kaki perempuan dan handal dalam hal memikat perempuan, tidak suka pada perempuan bertudung, dicabar melalui pertarungan wang RM5,000 oleh rakan.

Plot *Syurga Cinta* berkembang dari konsep cabaran pertarungan ini. Demi untuk mempertahankan *super ego* nya, Irham menyahut bangga dan pada dia hal itu sangat mudah dan 'kacang'. Melalui proses memikat Cikgu Syuhada inilah berlakukan proses pencarian diri Irham. Konsep *hero's journey* yang diangkat adalah pencarian diri Irham untuk

⁶ Di permulaan (babak pertama) cerita kita diperkenalkan kepada Irham sebagai watak yang baharu sahaja sampai ke tanahair hanya pagi tadi. Dalam babak seterusnya kita tahu dia sudah lama tinggal di United Kingdom (UK), 'I've been living there for the longest time. Ever year my parents datang sana.'

⁷ Di pertengahan cerita kita diperkenalkan dengan gaya hidup keluarga Irham – ayah dan ibu ke majlis keraian dan pulang dalam keadaan dua-duanya mabuk.

dekat dengan Yang Maha Esa (selama ini sangat jauh terpesong). Konsep *hero's journey* ini berlaku kesan dan tindak balas Irham terhadap watak dan perwatakan Cikgu Syuhada: seorang yang kuat pegangan agama. Di akhir cerita, *super ego* Irham lebur di bawah telapak kaki Cikgu Syuhada bila Irham akur dengan perasaan cintanya pada Cikgu Syuhada: perempuan yang bertudung.

Syurga Cinta arahan Ahmad Idham, secara 'kasar' mengangkat konsep idea jodoh dari Allah yang didefinisikan oleh Atok⁸ Syuhada kepada Irham pada bahagian pengakhiran cerita:

Jodoh dari Allah: kamu berdua berpandangan mata, terus menyusuk ke kalbu. Kamu terus memininang Syuhada dan Syuhada terima pinangan kamu. Dan kamu berdua berkahwin. InsyaAllah berkekalan hingga akhir hayat. Dan itulah dikatakan *Syurga Cinta*.

Konsep jodoh dari Allah ini merupakan idea universal yang dikupas melalui melalui dilema intelektual *super ego* lelaki berpemikiran barat yang memandang rendah dan kolot terhadap perempuan bertudung. Dilema intelektual ini merupakan permasalahan tipikal (klise) pada masyarakat Melayu urban dan moden. Dengan ini, *super ego* Irham berfungsi sebagai antagonis cerita. Dilema intelektual ini 'digunakan' oleh pengarah sebagai ujian dan cabaran seorang lelaki seperti Irham - seorang lelaki yang mengambil mudah soal zina dan menyanjung kehidupan barat - untuk insaf. Rentetan dari ini akan berlakunya pembentukan pengabdian diri Irham kepada Yang Maha Esa, yang di dasari oleh konsep jodoh dari Allah - syurga cinta. Dilema intelektual ini dikupas melalui konsep cabaran - pertaruhan RM5,000. Konsep cabaran – pertaruhan ini bertindak sebagai penggerak cerita *Syurga Cinta*:

Memikat seorang perempuan bertudung (Cik Syuhada) dan bermain cinta. Dalam masa sebulan dia harus memutuskan hubungan itu di di depan rakannya (supaya mereka boleh lihat dan membayar duit kemenangan).

⁸ Atok menerangkan kepada Irham tentang tiga jenis jodoh melalui contoh Irham dan Syuhada: (1) Jodoh dari Syaitan: kamu berkenalan dengan Syuhada, berpegangan tangan dan terus buat maksiat. Akhirnya Syuhada mengandung dan baru kamu bernikah. (2) Jodoh dari Jin: kamu berdua berkenalan. Kamu sukakan Syuhada tetapi Syuhada tidak sukakan kamu. Kamu bomohkan dan sihirkan agar Syuhada sukakan kamu dan kamu, berdua bernikah. (3) Jodoh dari Allah [seperti penerangan di atas]

Walau bagaimanapun, konsep jodoh dari Allah atau ‘syurga cinta’ - ‘kamu berdua berpandangan mata, terus menyusuk ke kalbu’ - dalam filem ini berpihak hanya kepada Irham. Sungguh pun begitu, representasi indeks ‘bila mana Irham memandang Syuhada, terus menyusuk ke kalbu’ yang bertindak sebagai permulaan konsep syurga cinta, berfungsi sebagai jalan cerita pokok di awal penceritaan filem ini, sekaligus bertindak sebagai mekanisme ‘*establishing*’ atau memperkenalkan latar cerita pada bahagian struktur pengenalan cerita *Syurga Cinta* dan bertindak sebagai elemen kesinambungan mood dan ‘look’ pada keseluruhan jalan cerita *Syurga Cinta*.

Pencarian diri Irham melalui jodoh dari Allah (Syuhada) berlaku dua peringkat:

i. Sepanjang proses menyahut cabaran – pertaruhan: Ketika ini proses pencarian diri untuk dekat dengan Yang Maha Esa berlangsung secara tidak sepenuhnya kerana diganggu oleh tujuan untuk menang cabaran RM5,000 sekaligus mempertahankan *super ego* ‘seorang Irham’. Namun begitu, penerimaan wang taruhan oleh Irham, secara konotasinya bertindak sebagai identifikasi Irham sebagai menafikan berlakunya proses pengabdian diri Irham. Justeru, bertindak sebagai indeks kemenangan kepada *super ego* Irham.

ii. Setelah ‘kehilangan’ Syuhada: Memenangi pertaruhan dan berjaya mengekalkan *super ego* mengakibatkan Irham kehilangan Syuhada. Konsep ‘kehilangan Syuhada’ berperanan sebagai pemangkin kepada proses pengabdian diri Irham untuk berlaku sepenuhnya. Proses pengabdian ini terjadi kesan dari rasa bersalah dan menyesal Irham terhadap Syuhada kerana menghina dia di hadapan rakan-rakannya. Dua rasa ini muncul kesan dari rasa cinta Irham kepada Syuhada. Keadaan ini direpresentasi melalui mimpi dalam mimpi Irham dalam babak-babak selepas itu dan disokong oleh tindakan Irham melalui babak seterusnya.

Konsep mimpi dalam mimpi ini dimulai dengan mimpi peringkat dua Irham⁹. Dalam mimpi ini Syuhada bertelekung muncul dan membawa Irham ke suatu kawasan tanah lapang. Jelas di sini konotasi telekung itu merujuk kepada Syuhada adalah perempuan solehah. Hajat Irham yang ingin mendekati dan memohon maaf pada

⁹ Mimpi Irham terbahagi kepada dua peringkat: Mimpi tentang Syuhada ini berada dalam mimpi peringkat kedua, di mana, bila Irham tersedar dari mimpi ini, dia sebenarnya masih bermimpi (peringkat pertama). Mimpi bertemu Syuhada ini adalah mimpi di dalam mimpi.

Syuhada terhalang bila api marak mengelilinginya dan dia kepanasan. Representasi api ini menjurus kepada dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh Irham. Kerana dosa-dosa ini dia tidak dapat menghampiri Syuhada yang ketika ini dia sudah kasihkannya. Irham yang kepanasan dan ketakutan kemudiannya memohon keampunan dari Yang Maha Esa.

Kesan dari mimpi peringkat kedua inilah, dia insaf dan mula rasa berdosa serta hina. Dua rasa ini diluahkan kepada lelaki berpakaian putih di surau di dalam mimpi peringkat pertama (selepas dia sedar dari mimpi peringkat kedua).

- Irham : Saya takut Pak cik. Saya tak tau apa nak buat.
- Pak cik: Ada pun setiap manusia itu akan melakukan kesalahan, di mana akan wujud penyesalan. Namun penyesalan itu harus didahulukan dengan taubat.
- Irham: Tapi saya manusia hina Pak cik. Hidup penuh dengan maksiat.
- Pak cik: Kita ini beragama Islam. Islam itu panduan untuk umatnya mengenal Tuhan yang bernama Allah.
- Irham: Saya telah menghina seseorang Pak cik. Saya takut dia tak boleh maafkan saya dan yang paling saya takut Allah tidak boleh menerima taubat saya.
- Pak cik: Sesungguhnya Allah tetap menerima taubat. [...] buatlah sembahyang sunat taubat dan beristigfar sebanyak boleh.

Berdasarkan dialog ini, proses konsep pengabdian diri Irham adalah taubat melalui solat sunat taubat dan beristigfar sebanyak boleh. Oleh itu, konsep penyempurnaan dan kesempurnaan atau aspek keindahan yang disebut oleh Shafei Abu Bakar (2004) sebagai:

Keindahan yang menjadi sumber estetika adalah sifat Allah yang manifestasinya terpancar pada kewujudan yang mencerminkan kesempurnaan Allah.

Dialog ini merujuk sifat Allah Yang Maha Menerima Taubat yang disebut Pak cik sebagai 'sesungguhnya Allah tetap menerima taubat'. Sifat Allah ini adalah manifestasi pancaran pada kewujudan

yang mencerminkan kesempurnaan Yang Maha Esa sebagai Tuhan Yang Maha Pengampun, Ya Rahman dan Ya Karim kepada Irham, yang diperkatakan oleh Shafei Abu Bakar.

Maka dengan itu, untuk mengenal Tuhan yang bernama Allah, Irham harus mengabdikan dirinya kepada Yang Maha Esa melalui solat sunat taubat dan beristigfar sebanyak boleh.

Walau bagaimanapun, konsep mimpi dalam mimpi yang digunakan oleh pengarah sebagai elemen keinsafan dan penyesalan Irham terhadap dosa-dosa yang pernah dia lakukan, tidak menyumbang kepada konsep pengabdian diri Irham kepada kesempurnaan Yang Maha Esa yang bersifat sebagai Maha Menerima Taubat. Saranan dan nasihat Pak cik ketika di surau, ‘penyesalan itu harus didahului dengan bertaubat. [...] bersembahyang sunat taubat dan beristigfar sebanyak yang boleh’, tidak diangkat melalui mana babak-babak seterusnya di dalam filem *Syurga Cinta*. Ketiadaan babak-babak ini adalah konotasi dan indeks penafian, baik dari Irham mahupun dari pengarah sendiri terhadap proses pengabdian diri Irham pada kesempurnaan Yang Maha Esa. Sebaliknya, pengarah mengangkat identifikasi proses penghayatan cinta Irham kepada Syuhada. Melalui usaha bersungguh Irham untuk mendapat kemaafan Syuhada dan untuk memiliki cinta Syuhada semula:

Irham: Saya ada impian dan impian saya cuma satu.
Saya ingin sehidup semati dengan dengan awak
[Syuhada].

Luahan Irham ini bertindak sebagai *signifier* kepada pendirian dan keutamaan Irham dalam hidup ketika itu. Ternyata Syuhada adalah keutamaannya dan rasa menyesal, berdosa dan hina pada Yang Maha Esa ketika dalam mimpi tadi lenyap dan hilang setelah terjaga. Walau bagaimanapun, pengakuan Irham ini memberi identifikasi bahawa *super ego* Irham terhadap perempuan bertudung akhirnya tewas pada Syuhada: perempuan bertudung.

Namun begitu, tema: jodoh dari Allah ini tidak diangkat sepenuhnya oleh pengarah dalam aspek ‘penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih mendalam, mencakupi aspek-aspek kehidupan,’ (Abdul Rahman Napiah: 2003). Pertama, Irham dengan mudah menerima kata-kata Atok melalui definisi cinta syurga tanpa ‘merujuk’ kepada Yang Maha Esa. Mengikut pendapat Pak cik (dalam mimpi Irham) ‘Islam itu panduan untuk umatnya mengenal Tuhan yang

bernama Allah'. Maka seharusnya Irham dinasihatkan untuk melakukan solat istikharah terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk melamar Syuhada.

Kedua, konsep syurga cinta yang definisikan oleh Atok sebagai:

'Kamu berdua berpandangan mata, terus menyusuk ke kalbu. Kamu terus meminang Syuhada dan Syuhada terima pinangan kamu. Dan kamu berdua berkahwin. InsyaAllah berkekalan hingga akhir hayat.';

tidak dikupas melalui '*penjelmaan penghayatan Islamiah, lebih luas, lebih mendalam, mencakupi aspek-aspek kehidupan,*' (Dr. Abdul Rahman Napiah: 2003)

Dalam konteks cerita ini, konsep pertama '*kamu berdua berpandangan mata, terus menyusuk ke kalbu*' tidak berlaku secara menyeluruh, dan seperti mana yang pernah dinyatakan pada awal perbincangan, hanya berlaku pada Irham sahaja, sungguhpun begitu tidak sepenuhnya. Konsep kedua, '*kamu terus masuk meminang Syuhada dan Syuhada terima pinangan kamu*', juga tidak berlaku kerana pertemuan Irham dengan Syuhada berasaskan elemen cabaran-pertaruhan RM 5,000 terhadap *super ego* Irham. Akhirnya RM 5,000 ini berjaya dimenangi oleh Irham. Cabaran-pertaruhan RM 5,000 ini dalam kata lain membawa maksud konsep judi yang haram di dalam Islam. Tiada babak yang menunjukkan Irham memulangkan semula duit pertaruhan itu atas dasar sudah insaf dan akur bahawa cinta dia pada Syuhada adalah 'cinta syurga'. Kemudian Irham masuk meminang Syuhada dan Syuhada menerima pinang Irham. Oleh itu secara subtteksnya, konsep syurga cinta dengan jelas dinafikan oleh pengarah dan juga Irham, seperti mana yang telah diperkatakan dalam perbincangan sebelum ini.

Akhir sekali, menurut Atok hasil dari proses pertama dan kedua, Irham dan Syuhada berkahwin. Namun begitu, tiada denotasi atau konotasi perkahwinan antara Syuhada dan Irham di dalam *Syurga Cinta* tetapi berakhir dengan lamaran Irham yang bersifat budaya barat¹⁰ dan Syuhada menerima pinangan Irham. Oleh yang demikian, konsep syurga cinta atau jodoh dari Allah, seperti mana yang telah didefinisikan oleh Atok, tidak berlaku:

¹⁰ Irham melamar Syuhada di atas pentas, menghulurkan cincin dan bertanya tentang kesudian Syuhada menjadi isterinya, sambil diperhatikan oleh Atok dan adik Irham dari bahagian atas pentas.

Jodoh dari Allah: [...] Dan kamu berdua berkahwin
[...] Dan itulah dikatakan Syurga Cinta.

Rumusannya ialah konsep syurga cinta ini hanya akan terbentuk bila Irham dan Syuhada berkahwin. Pengakhiran yang dipilih oleh pengarah ini menyumbang kepada konotasi konsep cinta 'sejati' antara Irham dan Syuhada yang berakhir pada proses kedua syurga cinta: '*kamu terus meminjau Syuhada dan Syuhada terima pinangan kamu*', dan menolak konsep jodoh dari Allah yang didefinisikan dan merujuk kepada makna tajuk *Syurga Cinta*, yang 'diletakkan' sebagai tema filem di awal perbincangan tadi.¹¹ Justeru itu, pengakhiran yang dipilih ini tidak menyumbang kepada konsep pengabdian diri kepada kesempurnaan Yang Maha Esa seperti yang 'digunakan' dalam *Semerah Padi* (1956) atau *Si Tanggang* (1961).

Jelas, konsep genre yang diangkat oleh *Syurga Cinta*, baik, merujuk kepada tajuk 'Syurga Cinta' itu sendiri, maupun naratif cerita: Permulaan (*Act 1*): perkenalan kepada watak dan perwatakan dan latar, Pertengahan (*Act 2*): konflik, dan Pengakhiran (*Act 3*): resolusi dan bagaimana ia berakhir, membentuk sepenuhnya kepada kepada genre romantik komedi yang harus mempunyai pengakhiran bahagia;

Boy meets girl – boy loses girl – boy wins girl back.
(David R. Shumway; 2003)

Definisi romantik komedi mengikut pendapat Tamar Mac Donald (2007):

A film which has as its central narrative motor a quest for love, which portrays this quest in a light-hearted [comic and humour] way and almost always to a successful conclusion [happy ending].

Jika dianalisa, konsep di atas ini sangat menepati jalan cerita *Syurga Cinta* (2009):

Irham bertemu Syuhada – Irham kehilangan Syuhada – Irham berusaha menawan hati Syuhada semula dan berjaya.

¹¹ Peletakan tema ini adalah merujuk kepada definisi tajuk -*Syurga Cinta*- yang dikupas oleh Atok.

Dalam proses Irham memikat Syuhada, konsep komik dan humor diterapkan. Sehubungan dengan ini, elemen tangisan [sedih] yang dialami oleh Irham (dalam mimpi) mengikut pendapat Mc Donald (2007);

Frequently occupies an important space in the narratives of the romantic comedy: as an index of pain a lover feels when apart from the beloved, when rejected or lonely.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada rumusan yang telah dibentuk, *Syurga Cinta* (2009) menolak konsep genre agama yang dirumuskan oleh, baik Azizi Itar, mahupun David Teo di awal perbincangan tadi. Genre romantik komedi melalui penceritaan pencarian cinta 'sejati' Irham terhadap Syuhada, merupakan tulang belakang yang mengikat jalan cerita *Syurga Cinta* (2009). Sungguhpun begitu, elemen keagamaan atau Islamik jelas ditonjolkan melalui 'beats' penceritaan filem ini: melalui dialog nasihat tentang pencarian diri oleh Syuhada, Atok dan Pak cik (dalam mimpi) pada Irham dan konsep temu janji yang mempunyai mahram (adik Irham), diangkat sepenuhnya melalui tindak balas dan kesan dari watak dan perwatakan Syuhada yang kuat pegangan agamanya.

Tidak dapat dinafikan, rasa cinta sejati Irham terhadap Syuhada dengan sendirinya bertindak sebagai elemen pemangkin pengabdian diri Irham kepada Yang Maha Esa. Sungguh pun begitu, elemen ini tidak dominan seperti yang diangkat dalam *Semerah Padi* (1956) dan *Si Tanggung* (1961) kerana dia bersifat kasih dan cinta kepada Syuhada (manusia).

Kesimpulannya, tema cinta sejati yang diangkat oleh *Syurga Cinta* menafikan penceritaan Islamik mengikut definisi Islamik yang diangkat oleh Abdul Rahman Napiah (2003), walaupun definisi syurga cinta: jodoh dari Allah, itu sendiri menjurus kepada konsep Islamik. Ini kerana, kupasan yang dilakukan melalui dilema intelektual tidak menyumbang sepenuhnya kepada konsep pengabdian kepada Yang Maha Esa. Namun begitu terdapat unsur-unsur pengabdian 'nipis' di dalam proses penceritaan yang diambil mudah oleh pengarah. Dengan kata lain, Filem *Syurga Cinta* (2009) ini boleh diklasifikasikan sebagai jenis filem berunsur Islam yang diperkatakan oleh Naim (2010) dan

bukannya filem Islam atau filem agama.

Bibliografi

- Abdul Aziz Itar. (2009, 20 Mei). *Filem Dakwah Kedua MIG Selepas 28 Filem*. Utusan Online. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0520&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm
- Abdul Rahman Napiah. (1988). *Sastera Islam Dalam Pembinaan: Isu-isu Penting dalam Pembicaraan Sastera Islam*. Selangor: Penerbit Karyawan.
- Abdul Rahman Napiah. (2005). *Sastera Junjungan*. Selangor: Pustaka Karya
- Abdul Rahman Napiah. (2006). *Membina Keunggulan Tradisi Sastera*. Singapura: Pustaka Nasional
- Bani Sudardi. (2003). *Sastera Sufistik*. Indonesia: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
- Clark, M & P, J. (2014). *Indonesian-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*. UK: Routledge.
- Franpton, D. (2006). *Filmsophy*. UK: Wallflowers Press.
- Griffin, K. (2010). *Writing Essay About Literature: A Guide and Style Sheet*. USA: Wadsworth.
- Hilmi Isa. (2013, 15 November). *Adat Bertunang Ikut Sunnah*. Harian Metro Online. Retrieved from http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Adabbertunangikutsunah/Article/index_html
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah Dalam Novel Melayu Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mc Donald, T. (2007). *Romantic Comedy: Boy Meets Girl Meets Genre*. UK: Wallflowers Press.
- Mohd Radzi Mohd Zin. (2010, 22 Jun), *Buat Filem Juga Dakwah*. Utusan Online. Retrieved from <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0622&pub=Utusan>

[an_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm](#)

S. Jaafar Husin. (1995). *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori: Sastera Islam; Teori Pengindahan Dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Shumway, D. (2003). *Modern Love: Romance, Intermacy and the Marriage Crisis*. USA: New York University Press.

Van Heeren, K. (2012). *Contemporary Indonesian Film: Spirits of Reform and Ghost From the Past*. Netherland: KITLV Press.